



**YB. SOON LIP CHEE**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang  
*Belia Dan Sukan*

---

**KENYATAAN MEDIA YB SOON LIP CHEE, EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI  
PULAU PINANG  
PADA 07 DISEMBER 2020**

**SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) DI NEGERI PULAU  
PINANG (KECUALI MUKIM 12: BARAT DAYA DAN MUKIM 13: TIMUR LAUT) MULAI  
07 DISEMBER 2020**

Susulan pengumuman penamatan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Negeri Pulau Pinang pada 05 Disember 2020 kecuali Mukim 12 Daerah Barat Daya dan Mukim 13 Daerah Timur Laut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa pelaksanaan aktiviti sukan dan rekreasi akan kembali semula ke fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula pada 07 Disember 2020 hingga 31 Disember 2020 dan akan turut tertakluk kepada pematuhan pada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) semasa penguatkuasaan PKPP.

**Garis Panduan Sektor Sukan dan Rekreasi di Negeri Pulau Pinang (kecuali Mukim  
12 DBD dan Mukim 13 DTL) Berkuatkuasa Mulai 07 Disember 2020**

**PENGGUNA**

1. Pengguna perlu mematuhi penjarakan fizikal serta mengutamakan keselamatan diri sendiri pada setiap masa aktiviti sukan dan rekreasi dijalankan.
2. Pengguna perlu memakai pelitup muka sebelum dan selepas aktiviti sukan dan rekreasi dijalankan.
3. Semua pengguna perlu menjalani saringan suhu badan dan gejala sebelum memasuki premis / venue.
4. Pengguna perlu mengamalkan langkah-langkah kebersihan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi.
5. Pengguna perlu mematuhi SOP yang ditetapkan.
6. Pengguna perlu memastikan pengurangan interaksi sosial sebelum, semasa dan selepas aktiviti sukan / rekreasi dipatuhi.

7. Pengguna premis tidak digalakkan untuk bersalaman / bersentuhan tangan secara fizikal dengan sengaja bagi mengurangkan interaksi sosial.
8. Pengguna perlu meninggalkan premis / tempat latihan secepat mungkin selepas aktiviti sukan atau rekreasi dijalankan.
9. Pengguna fasiliti digalakkan untuk membuat tempahan / pengesahan slot melalui talian / telefon terlebih dahulu sebelum hadir ke premis / venue untuk menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi.
10. Pengguna dilarang untuk meludah sembarangan / merata-rata.
11. Pengguna dilarang untuk berkongsi air minuman, makanan, pakaian, tuala muka dan peralatan peribadi.
12. Kanak-kanak bawah 12 tahun, golongan OKU dan warga emas berumur 60 tahun ke atas tidak digalakkan untuk memasuki premis. Sekiranya ada, golongan tersebut memerlukan pengawasan rapi daripada ibu bapa atau penjaga.
13. Garis panduan / SOP yang diubahsuai dari semasa ke semasa tertakuk kepada pengumuman dan keputusan oleh MKN dan KBS perlu dipatuhi

## **PENGUSAHA**

1. Masa pengoperasian untuk semua aktiviti sukan dan pengusaha sukan di negeri Pulau Pinang tidak lagi dihadkan dan boleh kembali seperti biasa dengan pematuhan SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan tertakuk kepada lesen kebenaran beroperasi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.
2. Pengusaha fasiliti sukan hendaklah berdaftar di dalam sistem notifikasi CIMS 3.0 melalui pautan [notification.miti.gov.my](http://notification.miti.gov.my).
3. Tatacara atau peraturan berkaitan pencegahan penularan COVID-19 yang disediakan selari dengan SOP oleh MKN perlu dipatuhi.
4. Individu yang tidak berkenaan dilarang memasuki ke dalam premis / venue.
5. Pengusaha perlu memaparkan kod QR aplikasi *MySejahtera* untuk diimbaz oleh pengguna sebelum memasuki premis.
6. Pengusaha perlu menyediakan alat saringan suhu badan dan pencuci tangan di setiap pintu masuk premis / venue.
7. Pengusaha perlu mematuhi SOP Protokol Am Pengurusan yang ditetapkan oleh MKN dan KBS.

8. Pengusaha perlu mengawal kapasiti bilangan individu yang berada dalam premis / venue pada setiap sesi mengikut keluasan premis / venue masing-masing.
9. Pengusaha perlu memastikan kakitangan yang bertugas untuk memakai pelitup muka.
10. Pengusaha perlu memastikan penggunaan bilik mandi / persalinan dihadkan bilangan pengguna yang minima serta dibersihkan secara kerap.
11. Pengusaha perlu memastikan kaedah penyampaian maklumat adalah secara lisan tanpa melibatkan sentuhan fizikal (anggota badan) kepada pengguna premis / venue.
12. Pengusaha perlu memastikan peralatan yang digunakan adalah dibersihkan dan dinyahkumankan sebelum dan selepas sesi penggunaan.
13. Pengusaha perlu menandakan tanda panduan yang jelas di dalam premis / venue untuk panduan pengguna.
14. Pengusaha perlu menyediakan cecair sabun yang mencukupi dalam bilik tandas untuk kegunaan.
15. Pengusaha perlu menandakan kawasan larangan supaya pengguna boleh mengetahui tempat yang dibenarkan atau dilarang penggunaannya semasa aktiviti sukan dan rekreasi dijalankan.
16. Pengusaha perlu memastikan bahawa pengoperasian premis / venue adalah secara berjadual dengan bilangan kakitangan yang terkawal.
17. Pembersihan dan nyahkuman premis / venue perlu dilakukan mengikut kekerapan penggunaan.
18. Pengusaha perlu memastikan tatacara pengendalian kes kecemasan disediakan.
19. Pengusaha perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau pengurusan venue.
20. Garis panduan / SOP yang diubahsuai dari semasa ke semasa tertakluk kepada pengumuman dan keputusan yang dibuat oleh MKN dan KBS.

## **PENGANJUR**

1. Penganjur perlu memastikan pematuhan penjarakan fizikal.
2. Penganjur perlu memastikan penganjuran kejohanan atau pertandingan mendapat kelulusan daripada KBS melalui Pejabat Pesuruhjaya Sukan.
3. Penganjur perlu memastikan Kod QR aplikasi *MySejahtera* dipaparkan di premis / venue untuk diimbis oleh setiap individu bagi pendaftaran.

4. Penganjur perlu menyediakan alat saringan suhu badan dan pencuci tangan di setiap pintu masuk premis / venue.
5. Penganjur perlu memastikan garis panduan, penandaan dan pandu arah yang jelas disediakan sebagai panduan untuk setiap individu.
6. Penganjur perlu memastikan jadual pertandingan dengan bilangan acara adalah terhad bagi memastikan bilangan pengguna yang minimum.
7. Tatacara atau peraturan berkaitan pencegahan penularan Covid-19 disediakan selari dengan SOP yang dipersetujui oleh MKN.
8. Penganjur perlu memastikan proses pembersihan dan disinfeksi permukaan dan peralatan yang kerap disentuh atau digunakan dilakukan mengikut kekerapan penggunaan.
9. Penganjur perlu memastikan kaedah penyampaian maklumat adalah secara lisan tanpa melibatkan sentuhan fizikal (anggota badan) kepada setiap individu.
10. Penganjur perlu memastikan pemakaian pelitup muka oleh setiap petugas sepanjang masa. Manakala bagi atlet pula, penganjur perlu memastikan pemakaian pelitup muka adalah sebelum dan selepas pertandingan
11. Penganjur hendaklah memastikan penjarakan fizikal dalam kalangan peserta sentiasa dipatuhi dan tidak melibatkan perkumpulan peserta yang ramai dalam satu-satu masa.

**Aktiviti Sukan dan Rekreasi yang DILARANG dalam tempoh PKPP adalah seperti berikut:**

1. Penganjuran kejohanan atau pertandingan peringkat antarabangsa.
2. Penganjuran kejohanan atau pertandingan dengan penglibatan penyokong / penonton / kumpulan sorak dan sebagainya.
3. Penganjuran acara, kejohanan atau pertandingan yang melibatkan peserta dari luar negara memasuki Malaysia.

**Latihan Sukan di bawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dalam tempoh PKPP adalah seperti berikut:**

1. Pusat latihan sukan yang berada di bawah pengurusan MSNPP akan **DIBUKA** semula untuk program latihan prestasi tinggi dan program latihan pembangunan negeri di bawah pengendalian jurulatih lantikan MSNPP sahaja bermula pada **9 Disember 2020 (Hari Rabu)** untuk memberikan masa bagi kerja persiapan dan pembersihan tempat latihan.
2. Walaubagaimanapun, pusat latihan yang berada di perkarangan pejabat MSNPP terletak di Mukim 13 dan penggunaan pusat bagi tujuan latihan negeri **hanya DIBENARKAN penggunaannya** dengan pematuhan SOP PKPB yang terkini. Jurulatih harus mendapat kebenaran Persatuan Sukan Negeri dan kelulusan Majlis dengan menggunakan '**Borang Kebenaran Menggunakan Pusat Latihan MSNPP**' sebelum dibenarkan mengendalikan latihan.
3. Bagi pusat latihan yang bukan berada di bawah pengurusan MSNPP, kegunaan adalah tertakluk kepada pengurusan premis berkenaan. Sekiranya dibenarkan penggunaan, persatuan, jurulatih dan atlet-atlet perlu memastikan semua SOP yang dikeluarkan oleh MKN dan KBS dipatuhi semasa menjalankan sesi latihan.
4. SOP Perintah Kawalan PKPB (Mukim 12 dan Mukim 13) adalah seperti berikut:
  - Aktiviti sukan dan rekreasi tidak bersentuhan fizikal (*indoor* dan *outdoor*) sahaja **DIBENARKAN**.
  - Tidak melebihi 10 orang pada satu masa (termasuk jurulatih).
  - Tertakluk kepada waktu pembukaan kemudahan tersebut.
  - Aktiviti kolam renang, bersentuhan fizikal, sukan tempur, perlawanan sukan berpasukan dan penganjuran kejohanan **TIDAK DIBENARKAN**.

Keputusan untuk mematuhi SOP terutamanya dalam sektor aktiviti sukan dan rekreasi yang ditetapkan oleh MKN menunjukkan komitmen kerajaan negeri untuk mengekang penularan wabak Covid-19 dalam kalangan masyarakat negeri Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, penggiat sukan dan rekreasi termasuk pemilik, dan operator fasiliti perlu mematuhi arahan yang telah ditetapkan oleh MKN. Sama-samalah kita membantu memutuskan rantai penularan pandemik Covid-19 ini.

**SOON LIP CHEE**

**EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG**